



26 Jun 2013  
26 June 2013  
P.U. (A) 184

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) 2013

### *MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) 2013

BAHAWASANYA menurut Perkara 43 dan 43A Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual sebagai Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2013.

**Fungsi-fungsi Menteri**

2. (1) Diberitahu bahawa orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual hendaklah mempunyai gelaran dan nama jawatan yang dinyatakan dalam ruang kedua bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam Jadual.

(2) Orang yang namanya disebut dahulu dalam ruang pertama Jadual yang berhubungan dengan mana-mana jabatan atau perkara yang dinyatakan dalam ruang ketiga dan keempat yang bersetentangan dengan namanya hendaklah menjadi orang yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi jabatan atau perkara itu dan hendaklah dibantu oleh orang yang namanya terdapat di bawah nama orang yang mula-mula disebut itu dalam ruang pertama.

**Pembatalan**

3. (1) Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2013 [*P.U. (A) 152/2013*] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, hendaklah terus menjadi Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab mengenai—

(a) apa-apa fungsi yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Menteri di bawah Perintah ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; dan

(b) mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Kementerian di bawah Perintah ini,

sehingga fungsi atau jabatan itu ditugaskan kepada mana-mana Menteri atau Kementerian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

#### **Kecualian dan peralihan**

4. (1) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan gelaran atau nama jawatan itu diubah melalui Perintah ini, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri dengan gelaran atau nama jawatan yang baru itu.

(2) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan fungsi itu telah dipindahkan melalui Perintah ini kepada seorang Menteri yang lain, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri yang kepadanya fungsi itu telah dipindahkan.

## JADUAL

## MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN FUNGSI-FUNGSI MEREKA

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak	Perdana Menteri	Jabatan Perdana Menteri:	
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin	Timbalan Perdana Menteri	Unit Penyelaras Pelaksanaan (UPP)	Penyelaras dan pengawasan pelaksanaan dasar dan program pembangunan negara
Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Bersara)	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelaras penyertaan Bumiputera di Pulau Pinang Urus setia bagi Majlis Tindakan Negara
Senator Dato' Sri Iris Jala@Idris Jala	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelaras dan pelaksanaan program dan projek khas
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelaras fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983
Datuk Joseph Entulu anak Belaun	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Merangka dasar dan strategi untuk pembangunan sosio-ekonomi
Dato' Seri Shahidan bin Kassim	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urus setia Jawatankuasa Kabinet mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak
Senator Datuk Paul Low Seng Kuan	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urus setia Jawatankuasa Kerja Bumiputera Sabah dan Sarawak
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urus setia Majlis Tindakan Persekutuan Negeri
Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	Menteri di Jabatan Perdana Menteri	Unit Perancang Ekonomi (UPE)	Merangka dasar dan strategi untuk pembangunan sosioekonomi negara
Dato' Razali bin Ibrahim	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Menyediakan rancangan pembangunan jangka sederhana dan panjang
Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Menyediakan belanjawan, mengawal dan menilai program dan projek pembangunan termasuk aspek pembangunan inklusif dan agenda Bumiputera

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Melaksanakan penyelidikan ekonomi dan menasihati Kerajaan mengenai isu-isu ekonomi
			Menyelaraskan penglibatan Malaysia dalam pembangunan kawasan pertumbuhan segi tiga (IMT-GT dan BIMP-EAGA)
			Mengawasi pengurusan nilai bagi projek-projek pembangunan dan menyediakan khidmat nasihat teknikal, kejuruteraan dan kos projek pembangunan
			Menyelaraskan isu-isu sosio-ekonomi yang melibatkan pelbagai sektor melalui mesyuarat Majlis Ekonomi
			Memperkukuhkan sumber bekalan tenaga bagi menjamin bekalan tenaga yang berkualiti, andal dan berkesan kos
			Mengawal selia aktiviti Ekuiti Nasional (EKUINAS)
		Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)	Merancang, menyelaraskan, menilai, merunding serta memantau semua projek penswastaan dan Kerjasama Awam Swasta (PPP) serta projek-projek pembangunan Koridor
		Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan	Urus setia Jemaah Menteri Perkara-perkara Perlembagaan Persekutuan Perkara-perkara Parlimen Perhubungan dengan Negeri-Negeri Penyelarasan urusan Kerajaan Hari Kelepasan Am
		Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	Menerajui perubahan bagi memodenkan pentadbiran perkhidmatan awam Meningkatkan dan memperluaskan khidmat rundingan berkualiti kepada agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri